

Perdana Menteri lancar insinerator tempatan pertama

wm - 9/10/2006.
PUTRAJAYA 8 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan insinerator bergerak oksi-hidrogen mesra alam pertama negara, di sini.

Produk keluaran IRIS Corporation Berhad (IRIS Corp.) itu merupakan insinerator generasi terbaru yang berupaya membakar sampah domestik tanpa toksik.

Ini dilakukan melalui penghasilan gas hijau sebagai bahan bakar, berbanding penggunaan hidrokarbon oleh insinerator biasa.

Gas hijau itu merupakan campuran khas gas oksi-hidrogen yang sesuai untuk pelupusan sampah kerana memiliki nilai kalori yang tinggi dan menghasilkan pembakaran yang bebas pencemaran.

Perdana Menteri telah ditunjukkan cara gas hijau itu dihasilkan dengan demonstrasi mengubah air menjadi gas oksigen dan hidrogen melalui proses elektrolisis menggunakan generator.

Pengerusi IRIS Corp., Tan Sri Razali Ismail memberitahu, gas hijau itu membolehkan insinerator menghasilkan api pada suhu melebihi 1,500 darjah Celsius, iaitu tahap yang menghapuskan kebanyakan toksin dan patogen.

Insinerator itu juga, kata beliau, mampu mengurangkan jumlah sampah sebanyak 90 peratus yang akan mengurangkan keperluan membawa sampah ke tapak pelupusan.

"Ini sekali gus mengurangkan penggunaan tapak pelupusan yang membawa

pelbagai masalah alam sekitar termasuk pencemaran sungai.

"Ia juga tidak mengeluarkan sebarang gas berbahaya atau berbau busuk," ujarnya.

Insinerator ini, kata Razali, sesuai digunakan bagi pembuangan sampah di pasar basah ataupun pada masa merebaknya wabak seperti selesema burung yang memerlukan beribu-ribu burung dihapuskan dengan cara selamat.

Ia dijangka menjadi keperluan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan syarikat pengurusan sampah yang perlu mengendalikannya pembuangan sampah domestik, tambah beliau.

IRIS Corp. akan mengeluarkan dua versi insinerator iaitu versi beroda yang boleh membakar dua tan sampah dan menelan kos RM1 juta serta versi mini yang membakar 20 hingga 50 tan sampah.

Setakat ini, IRIS Corp. telah menerima satu tempahan daripada sebuah syarikat Thailand, PJT Technology Co. Ltd. (PJT Technology).

Bagi memeterai tempahan itu, satu majlis tandatangan telah diadakan antara Pengarah Urusan PJT Technology, Wuthikorn Aphichatabut dengan Pengarah Urusan IRIS Corp., Datuk Tan Say Jim dengan disaksikan oleh Perdana Menteri.

Say Jim berkata, produk buatan Malaysia sepenuhnya itu mengambil masa 90 hari untuk dikeluarkan sebelum boleh dipasarkan.